

## Biodata Usahawan 5: Mohamad Jamil Bin Abu Talib

“ KEDAI EMAS MJ ”

### Industri Perhiasan Emas

**Emas** atau **Mas** ialah unsur kimia dalam jadual berkala yang mempunyai Oitric **Au** (*L. aurum*) dan nombor atom 79. Logam ini secara asli boleh didapati dalam bentulan ketulan emas atau butir kecil dalam batuan, atau mendapan OitricOy. Adakalanya ia juga boleh didapati dalam sebatian emas yang kebiasaannya wujud bersama tellurium. Logam emas adalah padat, lembut, berkilat, dan logam asli yang paling mudah ditempa dan mulur. Emas tulen mempunyai warna kuning terang dan dianggap menarik dan warna ini kekal tanpa mengalami pengoksidaan udara atau air. Emas ialah logam yang dibuat syiling dan berfungsi sebagai Oitric kekayaan dan penyimpan nilai sepanjang sejarah manusia. Piawaian emas telah menyediakan asas untuk dasar kewangan.



Contoh ketulan emas yang diperolehi dalam bukit

Secara kimia, emas merupakan logam peralihan. Jika dibandingkan dengan logam lain, emas tulen secara kimianya paling reaktif, mempunyai ketahanan terhadap asid tetapi kurang berkesan terhadap regia aqua asid campuran akua regia yang boleh melarutkan emas. Emas juga larut dalam larutan alkali sianida yang digunakan dalam perlombongan. Emas juga larut dalam raksa (merkuri) dan membentuk sebatian amalgam. Emas tidak larut dalam asid Oitric, yang boleh melarut logam perak dan logam asas dan sifat ini digunakan untuk mengesahkan kewujudan emas dalam sesuatu benda.



Jenis batuan yang mengandungi emas yang ditemui di Bukit Raub, Pahang

Emas ialah logam berharga yang dicari-cari untuk syiling, barang kemas dan hasil seni lain sejak zaman dahulu lagi. Sebanyak 165,000 tan emas telah dilombong dalam sejarah manusia pada tahun 2009. Jumlah ini lebih kurang sama dengan 5.3 bilion ons troy atau, dari segi isipadu ialah sekitar 8.500m<sup>3</sup>. Penggunaan emas baru di dunia ialah sekitar 50% sebagai barang kemas, 40% pelaburan, dan 10% dalam industri. Walaupun digunakan terutamanya sebagai simpanan nilai, emas mempunyai banyak kegunaan industri moden termasuk pergigian dan elektronik. Emas digunakan kerana daya ketahanan yang baik terhadap pengakisan dan pengalir elektrik yang sangat bagus.

## BIODATA USAHAWAN

Encik Mohamad Jamil Bin Abu Talib atau lebih dikenali oleh pelanggannya dengan panggilan Abe Jamil di lahirkan di Kampung Tok Bali, Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1975. Ayahnya, Abu Talib merupakan seorang petani dan menjalankan kerja-kerja kampung manakala ibunya pula seorang suri rumah. Walaupun beliau lahir dalam keluarga yang serba sederhana, semangat dan kerajinan yang dimiliki oleh ayahnya mengalir dalam dirinya. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tok Bali, Pasir Puteh sebelum melanjutkan pengajian di Pondok Saniyah, Pasir Puteh dan mengikuti pengajian Kuliyah di Kelantan. Walaupun keluarganya bukanlah berasal daripada keluarga yang berniaga, Encik Jamil mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan selepas tamat pengajian pondok kerana ingin mengubah taraf hidup keluarga. Beliau memulakan perniagaan pakaian dan perhiasan diri bermodalkan RM5000 hasil simpanan sendiri. Dari situ, beliau mengembangkan perniagaannya secara kecil-kecilan bermula dari pekan Pasir Puteh, dan berhijrah ke Kota Bharu. Di sana, beliau mula tertarik dengan seni pertukangan emas semasa bergaul dengan para peniaga di Kota Bharu. Beliau belajar secara tidak formal dengan beberapa orang sahabat karibnya yang menjalankan perniagaan emas dan bekerja secara sambilan sebagai tukang emas. Selama hampir lima tahun menuntut ilmu seni pertukangan emas, beliau menyimpan hasrat untuk memulakan perniagaan emas suatu hari nanti. Pengajian Kuliyah yang

## Transformasi Kejayaan Usahawan

---

diikutinya pada masa lapang menemukan jodoh beliau dengan isterinya. Encik Jamil bertemu jodoh dengan Puan Robiah Binti Umar, yang juga seorang peniaga pakaian dan perhiasan wanita. Oleh kerana minat yang sama dalam bidang perniagaan, Encik Jamil nekad untuk berhijrah ke Pekan, Pahang tempat kelahiran isterinya untuk membina empayar perniagaannya sendiri. Berkad ketekunan dan kerajinan mereka suami isteri bermula, akhirnya pada awal 2013, beliau dan isteri memulakan perniagaan baru iaitu membuka sebuah Kedai Emas dengan modal RM 300 000 hasil simpanan sendiri.



Encik Mohamad Jamil di premisnya

Kekuatan yang dimiliki oleh Encik Jamil dan Puan Robiah adalah hasil berjimat cermat selama lebih 10 tahun menjalankan perniagaan pakaian, mereka tidak perlu membuat pinjaman daripada mana-mana institusi untuk memulakan perniagaan emas yang memerlukan modal yang besar.

## *Transformasi Kejayaan Usahawan*

---

Dengan nama Kedai Emas MJ, Encik Jamil menjalankan perniagaannya bersama 6 orang pekerja yang terdiri daripada 3 orang anak lelaki beliau dan saudara terdekat manakala Puan Robiah masih meneruskan perniagaan kedai kasut, pakaian dan aksesori wanita bersama 4 orang pekerja yang terdiri daripada 3 orang anak perempuan beliau sendiri di premis berhampiran.



Antara barang perhiasan emas hasil tukangan sendiri yang dihasilkan oleh Encik Jamil



Pelanggan juga boleh menukar beli barang lama mereka dengan barang perhiasan baru dengan nilai pertukaran yang tinggi



Barangan mewah tempahan khas seperti ini hanya akan dibuat atas permintaan pelanggan dengan harga upah tukang yang berlainan bergantung kepada hasil seni pertukangannya.

### **STRATEGI KEJAYAAN PERNIAGAAN**

Bagi seorang usahawan yang menceburi industri perhiasan emas, adalah amat penting untuk beliau mengetahui harga pasaran emas dunia yang sentiasa berubah setiap hari. Ini kerana ketepatan pelaburan emas yang berjalan setiap saat menentukan harga emas pada setiap hari. Piawaian yang ditetapkan tidak boleh terlebih atau terkurang daripada harga pasaran. Pelaburan yang besar dalam industri ini jika tidak dipantau dengan teliti boleh mendatangkan kerugian. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Encik Jamil dalam peningkatan prestasi perniagaannya adalah:

#### **i-Kawalan Harga Emas**

Adalah penting untuk memastikan harga yang dikenakan atas 1 gram emas adalah sama dengan harga pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan. Ianya berbeza mengikut jenis sama ada jenis emas 999, 916, 850, 750, 350 dan sebagainya. Harga ini sentiasa berubah-rubah setiap hari mengikut harga pasaran global.

#### **ii- Kawalan Kualiti**

Sebagai pemilik premis yang juga tukang emas, Encik Jamil harus memastikan kawalan kualiti yang setara dengan jenis emas yang ditempah oleh pelanggan, mutu dan grade emas mestilah tepat dengan harganya dan kualiti adalah setanding dengan standard yang ditetapkan oleh kerajaan. Barangan kemas yang dihasilkan juga mestilah mempunyai corak yang berbeza, tidak satu pun terdapat corak yang sama melainkan yang ditempah atas kehendak pelanggan.

### **iii-Sikap mesra pelanggan**

Usahawan yang terlibat dalam perhiasan emas harus memiliki sikap mesra pelanggan yang tinggi. Ini kerana barang emas merupakan barang mewah, dan pelanggan harus membayar harga yang tinggi untuk sesuatu barang. Walaupun terpaksa melayan seseorang pelanggan dalam waktu yang lama adakalanya hampir sejam seorang, hati mesti ikhlas dan sentiasa tersenyum walaupun akhirnya pelanggan tidak jadi membeli barang tersebut.

### **iv- Yakin Rezeki daripada Allah**

Setiap usaha yang dijalankan dengan ikhlas dan redha adalah titik tolak kepada keberkatan dalam hidup. Usahawan harus yakin bahawa rezeki datang daripada Allah, bila mana Allah mengkehendaki atas sesuatu maka sesuatu itu akan berlaku. Oleh itu, kata Encik Jamil, janganlah berasa gundah sekiranya kurang pelangan, terus berdoa semoga Allah murahkan rezeki setiap pagi.

### **v- Menjaga Ibadah**

Apabila kita berkehendakkan sesuatu tang baik, maka hendaklah menjaga ibadah wajib dan sunat. Jangan kerana leka berniaga sehingga terlupa tanggungjawab dan amanah yang lebih besar. Sebagai usahawan, ibadah adalah sangat penting untuk memastikan rezeki kita sentiasa diberkati Allah.

### **vi-Disiplin diri**

Usahawan perlu berdisiplin dalam menjalankan perniagaan. Bangun seawal pagi adalah rutin yang dimestikan disamping sentiasa memenuhi kehendak pelanggan tepat pada masa. Sebagai contoh, jika pelanggan menempah barang dan perlu disiapkan dalam masa 1 minggu, barang tersebut mesti disiapkan dalam masa 1 minggu tanpa menjaskan kualitinya.

## **INSPIRASI DALAM PERNIAGAAN**

Sebagai seorang ayah yang memegang tanggungjawab membesarakan 6 orang anak, tentulah isteri dan anak-anak merupakan sumber inspirasi utama bagi beliau. Perjuangan dan pengorbanan isteri dan anak-anak membantu beliau dalam menghadapi dunia perniagaan menjadi tulang belakang meneruskan kerjaya ini. Pada masa hadapan, beliau berhasrat untuk memperkembangkan perniagaan ini dengan membuka beberapa cawangan lagi sekitar Pekan dan Kuantan yang akan diuruskan sendiri oleh anak-anaknya.

## **STRATEGI KEJAYAAN USAHAWAN**

Setiap usahawan mempunyai strategi yang tersendiri untuk berjaya. Berikut adalah strategi yang digariskan oleh Encik Jamil untuk berjaya.

### **i-Komitmen yang tinggi**

Menurut Encik Jamil, kejayaan kepada sesuatu yang diusahakan adalah bergantung kepada komitmen seseorang usahawan. Komitmen membantu usahawan untuk mengatasi cabaran dan rintangan dalam perniagaan. Orang yang berjaya adalah orang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap apa yang diusahakannya.

### **ii-Mengambil risiko secara sederhana**

menurut beliau lagi, mana-mana perniagaan pun harus mengambil risiko. Akan tetapi, risiko harus diambil dengan sederhana dan bukannya mengambil semua risiko secara melulu. Ini penting untuk mengelakkan risiko kerugian yang besar yang mungkin boleh menjaskan pendapatan.

### **iii-Kreatif dan inovatif**

Encik Jamil sangat menekankan kualiti barang yang beliau hasilkan. Menurut beliau, usahawan haruslah mempunyai ciri-ciri kreativiti dan inovasi. Usahawan yang kreatif dan inovatif ialah seseorang yang dapat menghasilkan idea dan konsep baru dan dapat menterjemahkannya kepada produk yang dapat dikomersialkan. Usahawan yang kreatif merupakan usahawan yang mempunyai banyak idea, panjang akal dan berupaya menghasilkan produk baru dan canggih serta unik.

### **iv-Mencari jalan untuk memperbaiki diri**

Jangan selalu berfikir negatif. Menurut Encik Jamil, fikiran negatif merosakkan kreativiti. Orang yang positif sedar bahawa apa yang dilihat sebagai terbaik pada hari ini mungkin hanya dinilai sebagai sederhana saja 10 tahun akan datang. Oleh kerana itu, orang yang positif tidak henti-henti mencari jalan memperbaiki kehidupannya.

### **v-Bertindak sebagai Inovator**

Menurut Encik Jamil, inovator boleh didefinisikan sebagai semangat mencipta serta mengilhamkan konsep dan idea yang baru. Sifat inovator yang terdapat pada diri usahawan memperlihatkan bahawa mereka adalah seorang yang bijak, panjang akal dan sentiasa berilham. Seseorang yang berinovasi akan sentiasa memikirkan perubahan serta melaksanakan perubahan dan membuat pembaharuan yang relevan dan realistik.

### **vi-Dapat melihat dan mengambil peluang**

Menurutnya “kita perlu pandai melihat dan mengambil peluang yang ada.” Menganalisis, merumus dan melaksanakan pelung yang diperolehi. “Jangan lepaskan peluang yang memungkinkan perolehan keuntungan, tetapi melihat ianya sebagai pelaburan baru. Misalnya jika ada pelanggan baru pertama kali membuat tempahan yang bernilai ribuan ringgit, cuba ambil hati pelanggan dengan memberi sebentuk cincin secara percuma.” Ini adalah kejutan yang membuatkan pelanggan tertarik dengan strategi MJ.

### **vi-Berorientasikan kejayaan**

Melihat kepada kejayaan orang lain sebagai motivasi kepada perniagaan sendiri. Jangan sesekali berputus asa sekiranya menghadapi kerugian atau kurang berjaya. Terus bangun untuk meneruskan perniagaan dengan strategi yang lebih baik. Jangan kita merasa cemburu pada kejayaan orang, sebaliknya jadikan kejayaan orang lain sebagai sumber inspirasi kita mengejar matlamat perniagaan.

## **KEKANGAN DALAM PERNIAGAAN**

Persaingan adalahkekangan utama bagi setiap perniagaan. Menurut Encik Jamil, permainan harga yang dimainkan oleh pesaing adalah kekangan yang harus diatasi dengan bijak. Ini kerana ada antara pesaing mengenakan harga yang lebih rendah daripada piawaian kerajaan untuk menarik pelanggan dan mengaut keuntungan segera. Strategi tersebut tidak akan kekal lama. Ini kerana akhirnya pelanggan akan sedar bahawa pesaing hanya menurunkan sedikit harga kawalan tetapi mengenakan harga upah dan caj tidak patut. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku.

Selain itu, kenaikan harga emas secara mendadak dan penurunan yang tidak menentu sedikit sebanyak menjatuhkan nilai pasaran. Caj GST 6% yang dikenakan juga menyebabkan pelanggan sedikit berkira untuk membeli. Walaupun perkara ini agak merugikan pihak MJ masih mampu bertahan dan memiliki pelanggan tetap setiap bulan.

Demikian juga halnya dengan kewangan. Masalah pusingan modal, harga bahan mentah yang naik dan turun mendadak serta kos operasi yang kian meningkat adalah kekangan yang perlu di atasi dengan bijak agar strategi perniagaan yang digunakan tidak menyebabkan kerugian. Kecekapan dalam pengendalian kewangan syarikat adalah amat penting. Pengurusan kewangan yang bijak harus diutamakan oleh setiap usahawan yang menjalankan pelaburan emas sepertinya.

## *Transformasi Kejayaan Usahawan*

---

Nasihat Encik Jamil kepada usahawan yang menjalankan perniagaan perhiasan emas, “**Janganlah kita terlalu berkira dengan pelanggan dengan cara mengenakan upah pertukangan yang tinggi, cukuplah harga upah itu dikenakan secara yang patut, kerana jika kita pandai bersedekah walaupun tidak seberapa, Insyaallah pelanggan tersebut akan kembali kepada kita pada kemudian hari. Bersedekah dalam perniagaan membolehkan hati kita menjadi lebih tenang dan perniagaan kita lebih berkat.**”

Alamat premis:  
“kedai Emas MJ”,  
**No. 56, Jalan Sultan Abdullah,  
26600, Pekan, Pahang.**